

Tindakan ke atas syarikat jual CRS tidak ikut piawaian

TAPAH : Kementerian Pengangkutan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memantau dan memastikan penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) memenuhi piawaian selepas ia dikuatkuasakan pada 1 Januari lalu. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, KPDNHEP akan mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat pernbekal yang menjual CRS tidak mengikut piawaian di bawah Akta Perihal Perdagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Selepas 1 Januari, produk yang masuk pasaran mesti memenuhi piawaian sebab kebanyakan CRS telah diimport," katanya selepas melancarkan Op Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 sempena sambutan Tahun Baru Cina di kawasan Rehat dan Rawat (RNR) Tapah arah utara di sini semalam. Namun, katanya, kementeriannya mengambil pendekatan praktikal dengan membenarkan ibu bapa menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak yang telah dibeli sebelum penguatkuasaan penggunaan kerusi tersebut pada awal tahun ini. "Apa yang kita lakukan sekarang adalah penguatkuasaan dari segi pemakaian sahaja. Jangan bimbang sebab banyak persoalan telah ditimbulkan ibu bapa, ada yang sudah beli CRS tidak mengikut piawaian, jadi mereka boleh gunakan. "Ini kerana kita tidak mahu memaksa pengguna tetapi kita menasihatkan mereka supaya periksa dahulu sebelum membeli dan ikut garis panduan. Ada pelekat dan kod QR yang dipaparkan pada CRS," katanya. Anthony berkata, setakat ini kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mewajibkan penggunaan CRS pada kenderaan lain. – Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 8 | 17 JANUARI 2020